

## **Pemetaan guna tanah untuk menilai impak gelinciran tanah terhadap komuniti Kundasang**

**MOHD YASIR, IBRAHIM KOMOO & SARAH AZIZ**

Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

Kundasang merupakan sebahagian daripada daerah Ranau terletak di kaki Gunung Kinabalu, berketinggian 1200~1800m d.p.l., dan mempunyai iklim seakan sederhana. Disebabkan iklim dan kedudukannya yang menarik, pekan ini mempunyai dua tarikan pembangunan: (a) pertanian, khususnya tanaman sayur-sayuran untuk bekalan negeri Sabah; dan (b) pelancongan, mereka yang menginginkan suasana udara sejuk dan rekreasi pendakian Gunung Kinabalu. Perubahan corak gunatanah di kawasan ini berlaku dengan pesatnya sejak 20 tahun terakhir ini. Selain daripada pembangunan yang pesat, terdapat lima sistem gelinciran tanah yang mampu menimbulkan ancaman geobencana terhadap komuniti tempatan, sumber hidupan mereka dan pembangunan kawasan pertempatan.